

**Lima Ketua Cabang PKR Selangor Sokong Pencalonan Wan Azizah Sebagai MB
Bernama
July 31, 2014**

SHAH ALAM, 31 Julai (Bernama) -- Lima Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) dari Selangor hari Khamis menyatakan sokongan terhadap pencalonan Presiden parti Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu.

Sokongan itu dinyatakan oleh Ketua Cabang PKR Tanjong Karang, Mohd Yahya Mat Sahri, Abu Talip Bujang (Sabak Bernam), Mohamad Fauzi Ahmad (Sungai Besar), Burhan Aman Shah (Sepang) dan Azizi Ayob (Kapar).

Dalam satu kenyataan bersama, mereka berkata Wan Azizah yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, adalah calon paling kanan dan layak untuk mengisi jawatan berkenaan menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat dilapor telah menerima cadangan PKR untuk mencalonkan Wan Azizah mengisi jawatan Menteri Besar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057187>